27.2 在促销或奖励活动进行期间，如果任何一名传销商因违反德信会员籍规章与条例而正在接受纪律调查，同时德信将要或已发出SCN，那德信保留绝对权利，在任何时刻，暂停或终止有关传销商参与任何或所有促销或奖励活动。

28. 索偿和诉讼

如果一名传销商因源自德信财产所有权而被控告侵犯第三者的任何专利权，或如果一名传销商因其商业相关行为或活动，而成为索偿和诉讼的对象，并直接或间接对德信名誉或其有形或无形资产造成负面影响或风险，有关传销商必需立刻通知德信。根据本身的风险及发出合理的通告，德信可能采取任何的必要行动(包括但不限于控制任何有关的诉讼或和解讨论)，以保护本身、名誉及有形和无形资产。除非获得德信的书面同意，传销商不可针对有关索偿和诉讼采取任何行动。

德信会员籍规章与条例

29. 商德守则

29.1 德信是马来西亚及许多国家的直销公会之会员，并遵守直销公会营业守则。配合此部分的相关守则，德信慎重鼓励传销商也阅读直销公会的营业守则，将其原则付诸应用在营业活动上。

29.2 传销商同意他将不会作出任何误导性、不公正、不正确或贬低公司、公司产品、服务及广告活动及其他人或公司（包括竞争者）、其产品或广告活动的比较、声明、比喻或陈述。

29.3 传销商同意任何针对业务机会的声明或比喻，必须符合公司目前所发出的资料及文献内的资讯。有关声明及比喻也必须配合法律、条例及规则作出修正。

29.4 传销商不可针对潜在收入，作出不合理、误导性或没有根据的比喻。

29.5 传销商不可声称在不需个人的实际努力下，任何人就可以或将获取盈利或收入。

30. 德信权利

在任何必要时候，即使在没有预先通知下，公司保留充分和绝对权利，改变、修正或修改德信会员籍规章与条例、营业守则、德信市场计划或其它政策，以及撤回、暂停或终止任何传销商或他人的会员籍。

31. 英语版本为准

如果此德信会员籍规章与条例译本的真正含义，或其他任何部分出现疑问，一切将以英语版本为准。

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

TAKRIF :

Untuk tujuan Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, melainkan sekiranya konteks berkenaan tidak bersesuaian atau tidak tekal, perkataan atau pernyataan berikut membawa maksud seperti yang berikut:

“Pengedar”	untuk tujuan Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN ini, ia merujuk kepada sesiapa yang telah memohon di bawah Klausula 1 di sini dan yang permohonannya diterima oleh DXN;
“DXN”	bermaksud DXN Marketing Sdn Bhd;
“EDC”	bermaksud “Executive Diamond Council”;
“PV”	bermaksud “Nilai Mata”;
“PPV”	bermaksud “Nilai Mata Peribadi”
“Produk” or “Produk-produk”	bermaksud produk yang dihasilkan oleh DXN atau produk yang menanggung label DXN
“SCN”	bermaksud Notis Tunjuk Sebab
“Penaja”	bermaksud seseorang Pengedar yang memperkenalkan seorang ahli baru untuk menjadi Pengedar DXN, dan yang namanya muncul pada Borang Permohonan Keahlian ahli baru tersebut sebagai Penaja.
“SV”	bermaksud “Nilai Jualan”

Melainkan sekiranya konteks berkenaan memerlukan atau tidak bersesuaian atau tidak tekal, maka penafsiran yang berikut akan digunakan:

(a) rujukan kepada klausa atau sub-klausa ditafsirkan sebagai rujukan kepada klausa atau sub-fasal dalam Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN ini;

(b) rujukan kepada Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN dan sebarang polisi, penggubalan undang-undang atau peruntukan persekutuan atau negeri akan meliputi peruntukan sedemikian sebagaimana yang diubahsuai, dipinda atau digubal semula;

(c) rujukan kepada mana-mana individu termasuk individu atau sebarang perbadanan korporat atau perkongsian;

(d) perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki termasuk jantina perempuan dan jantina yang berkecuali, dan sebaliknya;

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

(e) perkataan yang merujuk kepada nombor tunggal bermaksud nombor jamak dan sebaliknya;

(f) tajuk klausa adalah untuk rujukan semata-mata dan tidak akan menjejaskan tafsiran Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN; dan

(g) rujukan kepada mana-mana pihak membawa maksud pewaris yang berhak dan penerima hak yang dibenarkan.

1. Permohonan Keahlian Pengedar

1.1 Hanya pemohon yang berumur 18 dan ke atas boleh memohon untuk menjadi Pengedar.

1.2 Untuk menjadi seorang Pengedar, pemohon dikehendaki mengisi dengan lengkap serta menandatangani borang keahlian dan bersetuju secara mutlak untuk terikat dengan Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Plan Pemasaran DXN dan sebarang polisi termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang variasi, pindaan atau pengubahsuaian. Sebarang permohonan keahlian adalah tertakluk kepada kelulusan DXN. Borang yang telah diisi dengan lengkap boleh dihantar ke stokis, cawangan atau ibu pejabat, di mana bil tunai dan kad sementara akan dikeluarkan. Kad sementara ini adalah sah sehingga kad rasmi dikeluarkan selepas borang keahlian diluluskan oleh DXN.

1.3 Seseorang Pengedar adalah dilarang daripada mengemukakan sebarang maklumat yang palsu atau tidak tepat kepada DXN. Seseorang Pengedar mesti memaklumkan DXN tentang sebarang perubahan yang membawa kesan kepada maklumat terkini Pengedar berkenaan. DXN berhak untuk menamatkan sebarang keahlian dengan serta merta sekiranya ia mendapati bahawa Pengedar berkenaan mengemukakan maklumat yang palsu atau tidak tepat.

2. Taraf Keahlian

2.1 Permohonan boleh dikemukakan untuk taraf-taraf berikut:

(a) Suami dan isteri adalah secara automatik dianggap berdaftar sebagai Pengedar Bersama dengan satu nombor keahlian. Jika pihak syarikat mendapati nama suami atau isteri telah mendaftar diri sebagai Pengedar syarikat DXN, di mana salah seorang dari pasangannya telah terlebih dahulu menjadi Pengedar syarikat, maka pendaftaran keahlian yang terkemudian akan dibatalkan dan/atau seluruh kumpulannya akan dipindahkan kepada pasangannya. Walau bagaimanapun, jika satu-satu pasangan berkahwin setelah

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

berdaftar sebagai Pengedar, mereka dibenarkan memegang dua keahlian yang berasingan.

(b) Seseorang suami yang mempunyai lebih daripada satu isteri yang sah hanya boleh memilih SEORANG isteri untuk keahlian perkongsian suami dan isteri, dengan syarat tertakluk kepada perundangan tempatan yang bersesuaian. Isteri-isteri selainnya yang ingin menjadi Pengedar DXN MESTI mendaftar tanpa kehadiran nama pasangannya.

(c) Sesebuah perbadanan tidak boleh diterima sebagai Pengedar DXN. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang Pengedar ingin menukar keahliannya kepada syarikat persendirian atau perkongsian, kebenaran bertulis daripada DXN perlu diperolehi terlebih dahulu. Sekiranya DXN telah meluluskan permohonan keahlian oleh sesebuah perbadanan atau syarikat persendirian atau perkongsian, sebarang perubahan struktur ekuiti pemegang saham perbadanan atau syarikat persendirian atau perkongsian berkenaan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada DXN. Sekiranya DXN mendapati bahawa maklumat yang palsu atau tidak tepat diberikan, atau sebarang perubahan struktur ekuiti pemegang saham dilakukan tanpa kebenaran DXN, DXN berhak untuk menamatkan keahlian berkenaan dengan serta-merta.

3. Keahlian Seumur Hidup Bersyarat

3.1 Keahlian DXN adalah seumur hidup tanpa keperluan pembaharuan keahlian tahunan dengan SYARAT di mana seseorang Pengedar diwajibkan untuk melakukan sekurang-kurangnya satu (1) pembelian peribadi dengan PV dalam setiap tahun kalendar. Transaksi pembelian peribadi merujuk kepada pembelian Produk DXN yang mempunyai PV, tanpa mengira jumlahnya, yang perlu dibuat di bawah nama Pengedar sendiri.

3.2 Kegagalan seseorang Pengedar untuk memenuhi syarat di atas akan menyebabkan keahliannya luput pada 31 Disember pada tahun kalendar berkenaan tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Sebarang pendaftaran semula keahlian boleh dilakukan dalam tempoh di antara 1 Januari hingga 31 Mac pada tahun kalendar di mana keahliannya luput dalam satu bil tunai tunggal. Pendaftaran semula berkenaan tertakluk kepada syarat-syarat ternyata di bawah:

(a) PPV bulanan minimum yang diperlukan untuk kelayakan bonus telah dicapai oleh Pengedar berkenaan; dan

(b) Pengembalian keahlian disokong oleh EDC dan diluluskan oleh DXN.

3.3 Bagi keahlian baru yang didaftarkan dalam tempoh di antara 1 Oktober dan 31 Disember, tarikh luput akan dilanjutkan sehingga 31 Disember pada tahun yang berikut-

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

nya.

3.4 Seseorang Pengedar dengan keahlian yang telah luput dibenarkan untuk mendaftar semula di bawah penaja asal atau penaja baru. Walau bagaimanapun, beliau akan dianggap sebagai pengedar baru dan oleh itu, beliau tidak berhak ke atas rangkaian menurut keahlian asalnya.

3.5 Pendaftaran semula hanya berkuatkuasa selepas mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan DXN. Dalam erti lain, tarikh berkuatkuasa pendaftaran semula tidak akan diundurkan. Jika sebarang pembelian dilakukan selepas tamat tempoh keahlian, pembelian berkenaan akan dikumpul dan direkodkan berdasarkan pelan pemasaran semasa pada bulan pengembalian keahlian asal.

3.6 Seseorang pengedar yang gagal mendaftarkan keahliannya semula dalam tempoh yang dinyatakan di atas tidak layak untuk mengembalikan rangkaian asalnya jikalau pendaftaran semula keahliannya dilakukan selepas tempoh berkenaan.

3.7 Keahlian seseorang Pengedar akan ditamatkan sekiranya beliau (atau mana-mana pasangan/pekongsi / pihak / ahli syarikat termasuk proksi berkenaan) terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kes-kes disiplin seperti:

- (a) Menaja Pengedar lain secara tidak berpatutan atau tidak sah;
- (b) Menukar harga jualan Produk tanpa mendapat kelulusan DXN terlebih dahulu;
- (c) Melibatkan diri dalam syarikat jualan langsung yang lain atau syarikat yang bersaing secara langsung dengan DXN;
- (d) Melanggar Undang-undang dan Peraturan DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisi DXN;
- (e) Menjalankan sebarang aktiviti yang membawa kesan negatif kepada DXN atau menjejaskan nama baik DXN secara langsung atau tidak langsung;
- (f) Menjual atau mengedar Produk dari sesebuah negara di negara yang lain di mana pasaran DXN telah diwujudkan;
- (g) Menghantar, mengedar atau menjual Produk DXN dari sesebuah negara ke negara yang lain (di mana pasaran DXN telah diwujudkan) tanpa kebenaran bertulis daripada DXN;
- (h) Membuat tuntutan yang palsu tentang Produk atau Pelan Pasaran DXN.

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

4. Yuran Pendaftaran

Yuran pendaftaran ditentukan oleh DXN dan tertakluk kepada sebarang pindaan pada bila-bila masa dan pindaan berkenaan akan berkuatkuasa dengan serta-merta selepas pengumuman atau pengeluaran notis secara rasmi.

5. Kit Perniagaan DXN

Semasa pendaftaran, Pengedar baru akan diberi sebuah kit perniagaan DXN. Harga kit perniagaan, bahan-bahan perniagaan lain atau barangan bantuan jualan adalah ditentukan pada kosnya: tiada sebarang yuran servis atau francais dikenakan hanya semata-mata untuk mengimbangi kos yang ditanggung oleh DXN dalam penghasilan dan pengedaran peralatan pemasaran dan bahan-bahan berkenaan. Tiada PV atau SV akan diberi dan tiada komisen atau bonus akan dibayar atas pembelian kit perniagaan atau bahan-bahan perniagaan atau barangan bantuan jualan. Pengedar boleh membeli kit tambahan untuk dijual semula kepada rekrut yang baru. Kit Perniagaan DXN mesti dijual pada harga yang ditetapkan oleh DXN dan para Pengedar dilarang sama sekali daripada menjual atau menjual semula bahan tersebut untuk keuntungan atau tokokan.

6. Pesanan Pembelian Ahli

Produk-produk boleh dibeli secara tunai (atau dengan sebarang cara pembayaran yang diterima oleh DXN) daripada DXN dan stokis yang sah. Bil tunai akan dikeluarkan untuk setiap pembelian peribadi (ahli). Semua pembelian selepas akhir bulan tidak boleh dikebelakangkan dari tarikh pembelian tersebut.

7. Kelayakan Untuk Bonus Bulanan

7.1 Seseorang Pengedar mesti mengekalkan PPV bulanan di satu (1) negara secara eksklusif untuk kelayakan bonus dan pengiraan komisen. Bonus adalah dibayar mengikut Pelan Pemasaran DXN apabila seseorang Pengedar mengekalkan PPV bulanan yang diperlukan di negara tersebut.

7.2 Tambahan pula, DXN berhak untuk menuntut balik sebarang bonus yang telah dibayar kepada seseorang pengedar atas Produk atau servis di bawah salah satu keadaan seperti yang berikut:

(a) dipulangkan di bawah polisi bayaran balik DXN atau pengecualiannya yang diwujudkan oleh stokis yang sah;

(b) dipulangkan kepada stokis yang sah di bawah sebarang undang-undang yang berkai-

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

tan; atau

(c) dicuri atau didapatkan secara penipuan.

8. Perbezaan pada Penyata Bonus Bulanan

Sebarang perbezaan yang terdapat pada penyata bonus mesti dimaklumkan secara bertulis kepada DXN dalam jangka masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan penyata bonus bulanan. Selepas tempoh tersebut, semua penyata bonus bulanan akan disifatkan sebagai muktamad dan DXN tidak akan melayan sebarang pertanyaan atau aduan.

9. Penggantungan dan Penamatan Bonus, Insentif dan Faedah

DXN berhak secara mutlak pada bila-bila masa untuk menangguh atau mengantung atau menamatkan faedah seseorang Pengedar, termasuk tetapi tidak terhad kepada bonus, insentif, komisen, kelayakan dan faedah-faedah lain, dalam keadaan berikut:

9.1 Seseorang Pengedar yang telah menerima SCN kerana melanggar sebarang peruntukan dalam Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisi yang berkenaan.

9.2 Seseorang Pengedar yang sedang disiasat oleh DXN atas tuduhan mengenai pelanggaran sebarang peruntukan dalam Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisi yang berkenaan; atau

9.3 Seseorang Pengedar didapati bersalah oleh DXN kerana melanggar sebarang peruntukan dalam Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisi; atau

9.4 Menanti keputusan muktamad pemindahan keahlian kepada pewaris; atau

9.5 Sebarang sebab/alasan yang disifatkan perlu and bersesuaian oleh DXN.

10. Tanggungjawab sebagai Pengedar

10.1 Seseorang Pengedar bebas untuk beroperasi secara bersendirian. Oleh itu, Pengedar tidak boleh mengaku atau mewakili atau menunjuk yang mereka ialah pekerja atau mempunyai talian pekerjaan dengan DXN. Seseorang Pengedar adalah dilarang

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

dari mengakui dirinya sedemikian. Tindakan tatatertib akan diambil ke atas Pengedar yang melanggar peraturan ini.

10.2 Seseorang Pengedar harus memperkenalkan Produk, servis, dan peluang untuk menjadi Pengedar secara beretika dan professional.

10.3 Sebarang pertunjukan atau tawaran jualan yang berkenaan dengan Produk dan servis dengan harga, gred, kualiti atau tanggungan yang tidak jitu tidak boleh dilakukan.

10.4 Sebarang tuntutan pendapatan yang tidak munasabah, yang menimbulkan salah faham atau yang tidak berkenaan tidak boleh dilakukan. Sebarang jaminan tentang pendapatan tidak boleh diberikan.

10.5 Seseorang Pengedar tidak boleh meminta atau memujuk Pengedar lain untuk menjual atau membeli produk atau servis selain yang ditawarkan oleh DXN. Seseorang Pengedar bersetuju bahawa pelanggaran undang-undang ini membawa mudarat yang tidak dapat diperbaiki kepada DXN, dan beliau bersetuju bahawa tegahan adalah penyelesaian yang sesuai untuk mengelakkannya.

10.6 Seseorang Pengedar bertanggungjawab ke atas keputusan dan perbelanjaan bagi perniagaan beliau.

10.7 Seseorang Pengedar mesti menurut dan mematuhi dengan sepenuhnya Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Rancangan Pemasaran DXN dan sebarang polisi yang berkenaan.

10.8 Seseorang Pengedar bertanggungjawab secara peribadi untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan negara, negeri dan tempatan yang berkaitan.

10.9 Seseorang Pengedar mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan dan kod praktis yang berkaitan dengan operasi keahlian, dan tidak boleh melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang mungkin membawa nama buruk kepada diri sendiri atau kepada DXN.

10.10 Seseorang Pengedar tidak boleh memberi gambaran yang tidak dapat disahkan atau membuat sebarang jaminan yang tidak dapat ditunaikan kepada seseorang rekrut potensi dan/atau pelanggan. Seseorang Pengedar tidak boleh menyampaikan sebarang maklumat secara tidak betul atau penipuan kepada pelanggan/rekrut potensinya.

11. Had / Hak Kawasan

11.1 Seseorang Pengedar tidak boleh mempunyai sebarang hak atau mengenakan

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

sebarang sekatan ke atas sesuatu kawasan yang tertentu, dan mereka dilarang sama sekali daripada mengumumkan bahawa mereka mempunyai hak yang spesifik ke atas sesuatu kawasan.

11.2 Seseorang Pengedar dilarang dari mengedar atau menjual sebarang Produk yang dibuat untuk sesuatu negara yang tertentu di negara yang lain melainkan dengan kelulusan bertulis daripada DXN.

12. Had Terhadap Produk

12.1 Produk DXN dilarang sama sekali daripada dijual atau dipamerkan di kedai-kedai runcit, setor, pasar mini / pasar raya, setor tentera atau pameran perdagangan.

13. Cara Menjual dan Harga Jualan

13.1 Harga jualan sebarang Produk DXN adalah ditentukan oleh DXN dan Pengedar tidak boleh menurunkan atau menaikkan harga, termasuk mengubah secara tidak sah harga jualan seperti yang dinyatakan atau ditentukan oleh DXN pada label atau pembungkusan Produk berkenaan. Pengedar yang melanggar peraturan ini akan digantung atau ditamatkan keahliannya oleh DXN.

13.2 DXN berhak untuk meminda harga jualan pada bila-bila masa, termasuk tetapi tidak terhad kepada PV dan SV Produk tanpa sebarang notis terlebih dahulu dan harga yang dipinda atau ditentukan akan berkuatkuasa dengan serta-merta setelah pengumuman dibuat secara rasmi oleh DXN.

13.3 Seseorang pengedar tidak dibenarkan untuk menghantar, mengedar atau menjual sebarang Produk dengan memberikan diskaun, hadiah percuma, atau promosi yang berkumpul atau sebagaimana mengesahkan bahawa Produk berkenaan diedar atau dijual dengan harga di bawah atau di atas harga jualan yang ditetapkan dan dibenarkan oleh DXN, kecuali bahawa diskaun, hadiah percuma atau promosi tersebut adalah diatur dan dibenarkan oleh DXN.

14. Kenyataan tentang Produk

14.1 Seseorang Pengedar tidak boleh membuat sebarang kenyataan dari sudut perubatan bagi sebarang Produk atau mempreskripsikan sebarang Produk dengan spesifik untuk sebarang penyakit. Tegahan ini diamalkan kerana perbuatan sedemikian menandakan bahawa Produk berkenaan ialah ubat dan bukan kosmetik atau Produk nutrisi. Dalam sebarang keadaan, semua Produk tidak boleh disamakan sebagai Produk ubat

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

yang dipreskripsikan bagi rawatan untuk sesuatu penyakit yang spesifik.

14.2 Seseorang Pengedar mesti menanggung dan bertanggungjawab terhadap kenyataan yang palsu mengenai Produk. Kenyataan berkenaan akan mengakibatkan tindakan tatatertib atau penggantungan atau penamatan keahlian.

14.3 Sementara DXN berusaha untuk mematuhi semua peraturan yang diubahsuai dari semasa ke semasa, tiada mana-mana Pengedar patut atau cuba untuk menyatakan atau menunjukkan bahawa sebarang Produk adalah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan.

15. Penajaan Pengedar Secara Tidak Sah and Dendanya

15.1 Penajaan Secara Tidak Sah dan Dendanya

Penajaan Pengedar secara tidak sah dalam konteks berikut adalah dilarang:

- (a) menaja seseorang Pengedar yang sudah menjadi Pengedar daripada kumpulan lain;
- (b) menaja suami atau isteri yang salah seorang daripadanya sudah pun menjadi Pengedar daripada kumpulan lain.

15.2 Tindakan berikut akan diambil jika penajaan tidak sah terbukti berlaku:

- (a) Keahlian akan digantung atau ditamatkan dengan serta-merta. Sekiranya keahlian ditamatkan, semua Pengedar yang ditaja secara tidak sah akan dipindahkan kepada penaja asal Pengedar berkenaan.
- (b) Jika pasangan (B) seorang Pengedar (A) didapati menjadi Pengedar kumpulan lain, keahlian B akan ditamatkan segera dan semua Pengedar di bawah B akan dipindahkan kepada Penaja asal A.
- (c) Surat denda akan diberikan kepada semua yang terlibat.
- (d) Tiada tunggakan bonus akan dipertimbangkan.

15.3 Proksi dan Dendanya

Jika seseorang Pengedar membina kumpulan bukan di bawah hirarkinya tetapi mempunyai kepentingan peribadi terhadap perkembangan kumpulan tersebut, Pengedar tersebut dianggap terlibat dalam aktiviti proksi. Sekiranya seseorang Pengedar didapati

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

terlibat dalam aktiviti tersebut, keahliannya akan digantung atau ditamatkan dan kumpulan yang dibina secara proksi akan dipindahkan kepada Penajanya.

16. Penglibatan Dalam Syarikat Jualan Langsung Lain

16.1 Seseorang Pengedar yang telah mencapai taraf Bintang Delima dan ke atas tidak dibenarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung (termasuk proksi) dengan apa jua cara pun melibatkan diri dalam aktiviti syarikat jualan langsung lain atau aktiviti-aktiviti lain yang akan membawa kesan negatif kepada syarikat. Mana-mana pengedar yang terlibat akan digantung atau ditamatkan keahliannya oleh DXN dengan serta-merta.

16.2 Seseorang Pengedar tidak boleh secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan diri sendiri, dengan atau untuk sesiapa sahaja, meminta, menaikan pangkat atau merekrut sesiapa ahli dari organisasi down-line untuk menjadi ahli atau menyertai sebarang perniagaan jualan langsung atau pemasaran rangkaian yang lain, atau mengedar, menjual atau mempromosikan sebarang Produk atau servis yang bersaing dengan DXN.

17. Pelanggaran Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN dan Sebarang Polisi

17.1 Jika seseorang Pengedar melanggar sebarang peruntukan dalam Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisi, maka keahlian beliau akan digantung atau ditamatkan dengan serta-merta.

17.2 Semasa tempoh penyiasatan atau pengeluaran SCN atau notis pergantungan oleh DXN kerana tuduhan tentang pelanggaran Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN dan sebarang polisi, yang berikut adalah berkaitan:

(a) DXN akan memberi teguran lisan atau mengeluarkan Notis Amaran kepada Pengedar atas pelanggaran Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisi;

(b) Jika seseorang Pengedar dikemukakan dengan SCN, beliau mesti memberi penjelasan bertulis tentang pertuduhan berkenaan untuk pertimbangan DXN dalam tempoh empat belas (14) hari dari hari SCN dikemukakan. DXN berhak untuk menggantung keahlian Pengedar tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada melarang Pengedar tersebut dari membuat pesanan pembelian, melakukan penjualan atau pembelian, men-

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

gendali Produk DXN atau rangkaian, menaja atau mengubahsuai maklumat Pengedar, menghadiri sesi latihan, menyertai aktiviti DXN, aktiviti promosi atau kempen insentif, menerima bonus, komisen atau insentif sehingga DXN membuat keputusan yang muktamad.

(c) Jika Pengedar berkaitan gagal untuk memberi sebarang maklum balas bertulis mengenai SCN dalam tempoh tersebut, DXN berhak untuk melaksanakan hukuman ke atas beliau sebagaimana yang berpatutan.

(d) Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber sampingan atau daripada penyiasatan DXN atas kenyataan dan fakta-fakta bersama dengan maklumat yang diserahkan kepada DXN semasa tempoh maklum balas, DXN akan membuat keputusan yang muktamad mengenai remedi yang bersesuaian, termasuk penamatan keahlian. DXN berhak untuk mengenakan sebarang remedi bagi pelanggaran yang serupa Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau polisi menurut kes masing-masing. DXN akan memaklumkan seseorang Pengedar mengenai keputusan DXN dan sebarang remedi akan berkuat-kuasa serta-merta pada tarikh keputusan tersebut dikemukakan oleh DXN.

(e) Jika keahlian seseorang Pengedar ditamatkan, keahlian / status Pengedar berkenaan dan semua faedah sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Pemasaran DXN, termasuk tetapi tidak terhad kepada faedah dari aktiviti promosi, kempen insentif, dan hak-hak yang lain akan dibatalkan. Dengan itu, Pengedar yang keahliannya ditamatkan adalah dilarang secara automatik daripada melibatkan diri atau mengendali Produk, rangkaian dan aktiviti DXN dengan apa jua cara.

(f) Seseorang Pengedar yang ditamatkan keahliannya boleh memohon keahlian yang baru daripada DXN selepas tempoh enam (6) bulan. Walau bagaimanapun, penerimaan permohonan berkenaan adalah tertakluk kepada pengesahan dan kelulusan DXN.

18. Pewaris

18.1 Seseorang Pengedar dibenarkan melantik sesiapa dengan kewarganegaraan yang sama sebagai pewarisnya. Jika nama pewaris tidak diisikan pada borang keahlian, maka pewarisnya adalah saudara yang terdekat. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang pertikaian mengenai pewarisan selepas kematian seseorang Pengedar, mahkamah yang bersesuaian akan menentukan pewaris berkenaan. DXN berhak untuk mengganung sebarang faedah termasuk tetapi tidak terhad kepada bonus dan komisen sehingga Mahkamah berkenaan membuat keputusan yang muktamad.

18.2 Seseorang Pengedar tidak boleh memindah atau menguntukkan sebarang hak yang disalurkan di bawah keahliannya kepada sesiapa sahaja tanpa kelulusan bertulis

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

daripada DXN. Seseorang pengedar boleh mewakilkan tanggungjawab beliau kepada orang lain tetapi beliau mempunyai tanggungjawab yang muktamad untuk memastikan pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

19. Harta Milik DXN

19.1 Logo, cap dagang dan tanda servis DXN, nama Produk dan aset komersil lain yang ketara atau tidak ketara, yang telah didaftar atau tidak, pita video, alat tulis dan bahan cetakan yang dibekalkan oleh dan berkaitan dengan DXN adalah harta milik DXN. Oleh itu, seseorang Pengedar tidak boleh mengguna, mengekstrak atau membuat salinan bahan-bahan tersebut tanpa kelulusan bertulis daripada DXN.

19.2 Semua bahan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada lembar iklan, kad perniagaan, pamflet, risalah dan buku yang disediakan boleh diedarkan melalui hubungan peribadi sahaja. Bahan-bahan tersebut tidak boleh dilekatkan di tempat awam, dikirim secara besar-besaran, dimasukkan ke dalam peti surat, atau disebarkan melalui sebarang cara yang bukan melalui hubungan peribadi. Bahan-bahan berkenaan tidak boleh disebarkan melalui salinan tepat atau emel yang tidak diminta.

20. Perjanjian Pengedar

Perjanjian di antara Pengedar dan DXN berkuatkuasa sebaik sahaja keahlian berkenaan diluluskan oleh DXN.

21. Pemindahan Keahlian

Pemindahan keahlian terbahagi kepada dua kategori:

21.1 Kematian

Jika seseorang Pengedar meninggal dunia, pewaris beliau akan secara automatik mewarisi keahliannya. Jika tiada pewaris dinamakan, pemindahan keahlian akan ditentukan mengikut undang-undang yang berkuasa di negara berkenaan. Serentakny DXN berhak untuk menggantung sebarang dan semua faedah termasuk tetapi tidak terhad kepada bonus dan komisen sehingga isu tersebut diselesaikan.

21.2 Keadaan Kurang Sihat

Seseorang pengedar yang berumur 65 tahun dan ke atas atau tidak berupaya untuk meneruskan perniagaan DXN kerana masalah kesihatan yang mana jikalau diterima oleh DXN, akan dibenarkan untuk memindah keahlian beliau kepada sesiapa sahaja mengikut hasrat beliau atau kepada pewaris beliau.

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

22. Pendaftaran Dua Kali

22.1 Satu-satu pasangan yang telah berkahwin semasa pendaftaran untuk menjadi Pengedar DXN akan diberi kod yang sama, iaitu satu entiti tunggal bagi keahlian DXN. Oleh itu, pada bila-bila masa, seseorang Pengedar DXN yang telah berdaftar dilarang daripada memohon atau memperolehi keahlian baru tambahan di bawah nama beliau atau di bawah nama pasangan beliau.

22.2 Jikalau pendaftaran dua kali dikesan dan dipastikan, DXN berhak untuk membatalkan kod keahlian yang baru didaftarkan dan akan berbuat demikian dengan serta-merta tanpa rujukan atau notis selanjutnya. Oleh itu, DXN akan memindah semua rangkaian bawahannya (down-lines) dan PV yang dikumpul di bawah keahlian yang baru didaftar berkenaan ke kod keahlian yang lama.

22.3 Tindakan disiplin seperti penggantungan atau penamatan keahlian akan dilambatkan ke atas seseorang Pengedar atau Penaja yang secara langsung, tidak langsung atau tidak sengaja melibatkan diri dalam pendaftaran dua kali.

23. Permohonan Menukar Penaja

23.1 Permohonan untuk menukar penaja adalah tidak dibenarkan oleh DXN.

23.2 Jika seseorang Pengedar bertegas untuk menukar penaja, beliau boleh memohon secara bertulis kepada DXN untuk menamatkan keahlian lama beliau, dan menunggu selama enam (6) bulan sebelum memohon semula keahlian di bawah Penaja baru.

23.3 Bagi seseorang Pengedar yang keahliannya telah luput, permohonan untuk menukar Penaja adalah dibenarkan melalui pendaftaran semula menurut prosedur yang dinyatakan dalam Klausula 3.

23.4 Seseorang Pengedar tidak boleh secara langsung atau tidak langsung menggalakkan, memujuk, melibatkan diri atau membantu Pengedar lain untuk menukar ke Penaja yang lain. Larangan ini termasuk tindakan menawarkan insentif atau faedah kewangan atau dalam bentuk yang ketara atau tidak ketara yang lain untuk memujuk seseorang Pengedar untuk menamatkan keahlian sedia ada beliau dan mendaftar semula di bawah seorang Penaja yang lain. Keahlian seseorang Pengedar yang didapati melibatkan diri dalam kegiatan sedemikian akan digantung atau ditamatkan dengan serta-merta.

24. Kontrak Jualan Langsung dan Tempoh Bertenang

24.1 Bagi sebarang pembelian RM300 dan ke atas, seseorang Pengedar mesti

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

menawarkan tempoh bertenang selama sepuluh (10) hari bekerja kepada pelanggannya dan memberitahu setiap pelanggan tentang hak pelanggan yang dipreskripsikan dari segi undang-undang untuk membatalkan atau menamatkan kontrak pembelian atau jualan runcit dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja bermula sehari selepas pembelian dilakukan atau kontrak berkenaan dibuat, dan memberikan pelanggan runcit tersebut notis pembatalan yang dipreskripsikan dari segi undang-undang jika beliau membuat pilihan sedemikian. Semasa tempoh bertenang, tiada apa-apa Produk boleh dihantar ke pelanggan dan tiada apa-apa bayaran boleh diterima daripada pelanggan kecuali pelanggan berkenaan memberi notis bertulis bertempoh tujuh puluh dua (72) jam atau lebih setelah menandatangani kontrak jualan, untuk meminta penghantaran dilakukan sebelum penamatan tempoh bertenang.

24.2 DXN menggalakkan para Pengedar untuk menghormati permintaan bayaran balik atau pertukaran Produk yang dilakukan dalam tempoh bertenang. Tambahan pula, seseorang Pengedar mesti menawar jaminan wang balik selama sepuluh (10) hari kepada pelanggan runcit beliau. Kenyataan ini bermakna seseorang pengedar mesti membayar balik kesemua wang yang sama dengan harga jualan kepada pelanggannya atas sebarang sebab dan permintaan. Pelanggan runcit hanya perlu meminta bayaran balik dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas tarikh penghantaran Produk berkenaan dan memulangkan balik Produk yang belum digunakan kepada Pengedar tersebut.

25. Polisi Beli Balik

25.1 DXN mengamalkan Polisi Beli Balik demi menjamin kepuasan maksimum para Pengedar di bawah naungannya. Polisi ini membenarkan setiap Pengedar memulangkan Produk DXN yang tidak habis dijual dan dalam keadaan asal and dengan kualiti yang boleh diperdagangkan sebelum 20th dalam bulan pembelian dilakukan. “Produk yang dalam keadaan asal dan dengan kualiti yang boleh diperdagangkan” bermakna Produk-produk tersebut masih berada di pasaran (di mana pengeluarannya belum dihentikan), tanda harga masih belum koyak atau comot, Produk belum pernah dibuka dan sebagainya. DXN berhak untuk menolak sebarang pulangan Produk yang tidak memenuhi spesifikasi atau keadaan sedemikian. Pengedar mesti melengkapkan Borang Beli Balik Pengedar di mana-mana cawangan DXN.

25.2 Pengedar yang ingin menamatkan keahlian boleh memulangkan Produk DXN yang tidak habis dijual di mana-mana cawangan DXN dan mesti memastikan Produk itu berada dalam keadaan asal dengan kualiti yang boleh diperdagangkan.

25.3 DXN akan menolak 85% atas Nilai Mata Jualan (SV) terhadap segala Produk pulangan untuk bonus yang telah dibayar (80%) dan caj pengendalian (5%).

25.4 Produk yang dipulangkan perlu disertakan dengan dokumen-dokumen beri-

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

kut:

- (a) bil tunai / invoice yang berkenaan (hanya salinan asal dianggap sah)
- (b) kad keahlian yang sah; dan
- (c) surat pemberhentian hak Pengedar

25.5 DXN akan menghantar bayaran balik dalam bentuk cek berpaling setelah menolak bonus yang telah dibayar dan caj pengendalian. Cek tersebut akan dikirimkan kepada pengedar tersebut melalui Surat Berdaftar atau perkhidmatan penghantaran cepat (courier) dalam tempoh tiga (30) hari dari tarikh pulangan tersebut.

25.6 Pengedar-pengedar dinasihatkan supaya tidak membeli Produk berlebihan. Pembelian Produk harus dibuat berdasarkan jangkaan kuantiti pesanan pelanggan yang realistik.

26. Peraturan Berkenaan Laman Web

26.1 Seseorang Pengedar yang ingin menyambungkan laman web mereka ke Laman Web DXN atau laman web subsidiari DXN perlu mengemukakan permohonan bertulis dengan menyatakan matlamatnya. Beliau perlu mendapat kelulusan bertulis daripada DXN sebelum melancarkan penyambungan ini.

26.2 Laman web yang merujuk kepada DXN, Produknya atau yang disambungkan ke Laman Web DXN tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan yang tiada sokongan berkenaan pendapatan atau Produk.

26.3 Laman web lain tidak dibenarkan dengan apa cara sekalipun, menggambarkan yang ianya ialah subsidiari DXN atau yang laman web tersebut diiktiraf atau disokong oleh DXN.

26.4 Sebarang laman web yang disambungkan ke Laman Web DXN perlu menyatakan dengan jelas di bahagian yang mudah diperhati yang ianya adalah diuruskan oleh Pengedar sendiri.

26.5 Laman web Pengedar tidak dibenarkan untuk memaparkan logo, cap perdagangan atau Produk DXN. Sebarang teks yang berkaitan atau menjelaskan penyambungannya ke Laman Web DXN perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh DXN.

26.6 Seseorang Pengedar bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang salah

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

guna atau gambaran yang salah tentang Laman Web beliau. Sebarang pelanggaran Klausula ini dan sub-klausunya akan mengakibatkan pengambilan tindakan disiplin seperti pergantungan atau penamatan keahlian ke atas Pengedar berkenaan.

27. Aktiviti Promosi dan Kempen Insentif

27.1 Semua pengedar mesti mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan semua aktiviti promosi dan kempen insentif.

27.2 Pada bila-bila masa ketika aktiviti promosi atau kempen insentif dijalankan, sekiranya seseorang Pengedar sedang disiasat tentang kes disiplin, telah atau akan dikemukakan dengan SCN kerana pelanggaran Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, DXN mempunyai hak mutlak untuk pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan kelayakan Pengedar berkenaan daripada mana-mana atau semua aktiviti promosi atau kempen insentif.

28. Litigasi dan Dakwaan

Jikalau seseorang Pengedar didakwa dengan pencerobohan sebarang hak proprietari mana-mana parti ketiga yang timbul daripada sebarang aset proprietari DXN, atau jikalau seseorang Pengedar menjadi subjek sebarang dakwaan atau guaman mengenai kelakuan atau sebarang tindakan Pengedar tersebut yang berkenaan dengan perniagaan, yang secara langsung atau tidak langsung menjejaskan secara negatif atau membawa risiko kepada reputasi DXN atau mana-mana aset ketara atau tidak ketara, Pengedar yang terjejas mesti memberitahu DXN dengan serta-merta. Dengan kos sendiri dan memberi notis yang berpatutan, DXN mungkin mengambil apa-apa tindakan yang dianggap perlu (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengawalan sebarang litigasi atau perundingan penyelesaian yang berkenaan dengannya) untuk melindungi DXN, reputasi, dan aset ketara atau tidak ketara. Seseorang Pengedar tidak boleh mengambil sebarang tindakan yang berkenaan dengan dakwaan dan guaman tersebut, kecuali beliau mendapat persetujuan bertulis daripada DXN.

29. Etika Perniagaan Umum

29.1 DXN adalah ahli Persatuan Jualan Langsung (Direct Selling Association, DSA) di Malaysia dan juga di sebilangan besar negara di seluruh dunia, dan adalah tertakluk kepada **Kod Tatacara Kelakuan DSA**. Selaras dengan panduan etika pada bahagian ini, Pengedar adalah dinasihatkan untuk membaca Kod Tatacara Kelakuan DSA dan mengikuti prinsip-prinsip berkenaan dalam operasi perniagaan mereka.

Undang-undang dan Peraturan Keahlian

29.2 Pengedar bersetuju bahawa beliau tidak akan membuat sebarang perbandingan, kenyataan, contoh atau pernyataan yang boleh mewujudkan salah faham, ketidakadilan, tidak tepat atau keburukan berkenaan DXN; Produk, perkhidmatan, atau aktiviti-aktiviti komersial; orang perseorangan, syarikat lain (termasuk syarikat pesaing); produk mereka, atau aktiviti-aktiviti komersial mereka.

29.3 Pengedar bersetuju bahawa sebarang kenyataan atau representasi melibatkan peluang perniagaan haruslah selaras dan terhad terhadap maklumat-maklumat yang terdapat dalam bahan-bahan cetakan dan penulisan yang terkini yang diedarkan oleh DXN. Sebarang kenyataan dan contoh tersebut harus dikemaskini supaya selaras dengan undang-undang, ordinan dan peraturan yang dilaksanakan.

29.4 Pengedar tidak dibenarkan untuk membuat kenyataan bahawa sesiapa sahaja boleh dan akan memperolehi keuntungan atau pendapatan tanpa usaha sendiri yang berpatutan.

29.5 Pengedar adalah tidak dibenarkan untuk membuat sebarang contoh berkenaan potensi pendapatan yang tidak munasabah, menimbulkan salah faham atau yang tidak berkenaan.

30. Hak DXN

DXN berhak sepenuhnya, pada bila-bila masa, meskipun tanpa sebarang notis terlebih dahulu untuk membuat sebarang perubahan, mengubahsuai atau meminda Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN, Tatacara Kelakuan, Pelan Pemasaran DXN atau sebarang polisinya dan menarik balik, menangguk atau menamatkan keahlian seseorang Pengedar atau mana-mana orang perseorangan apabila dan sebagaimana yang perlu.

31. Versi Inggeris Mesti Mengatasi Versi Terjemahan

Sekiranya terdapat sebarang keraguan terhadap maksud sebenar mengenai Undang-undang dan Peraturan Keahlian DXN ini, atau mana-mana bahagian yang berkenaan dalam versi terjemahan, versi Bahasa Inggeris akan terpakai dan mengatasi versi yang lain.